



KENYATAAN MEDIA

**TIMBALAN MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA
MERANGKAP AHLI PARLIMEN P. 219 MIRI**

TINDAKAN SUSULAN INSIDEN TAMAN AWAM MIRI

Saya merujuk akan kenyataan saya semalam berhubung insiden di Taman Awam Miri, Sarawak.

Sebagai Ahli Parlimen Miri, saya sedia membantu dalam menyelaraskan dan mengkaji bantuan di peringkat persekutuan yang bersesuaian, demi keselamatan dan keselesaan pengguna serta imej Miri sebagai bandar destinasi yang tersusun dan mesra pelawat.

Untuk makluman, Taman Awam Miri adalah kawasan yang berada di bawah bidang kuasa Majlis Bandaraya Miri (MBM). Ia merupakan lokasi riadah warga Miri dan pengunjung luar. Sehubungan itu, insiden ini merupakan isu keselamatan yang tidak boleh diambil ringan dan perlu penyelesaian segera dan tuntas oleh pelbagai pihak.

Ini merupakan komitmen berterusan pihak saya dalam memastikan kemudahan awam berada pada tahap selamat dan terurus bersempena Kempen Melawat Malaysia 2026 (VM2026).

Sekian, terima kasih.

22 JANUARI 2026

— TAMAT —

YB CHIEW CHOON MAN
TIMBALAN MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA
MERANGKAP AHLI PARLIMEN P. 219 MIRI

